



---

## KENYATAAN MEDIA

### **MESYUARAT DUA HALA TAHUNAN ANTARA AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN, MALAYSIA DAN BIRO KAWALAN NARKOTIK BRUNEI**

**GEORGETOWN, 10 APRIL 2026** – Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) mengadakan Mesyuarat Dua Hala Tahunan bersama Biro Kawalan Narkotik (BKN) Brunei Darussalam bagi membincangkan tiga aspek utama meliputi pencegahan, rawatan dan pemulihan serta penguatkuasaan dalam membanteras penyalahgunaan dadah dan bahan serantau.

Delegasi BKN Brunei Darussalam diketuai oleh Yang Mulia Dato Paduka Haji Mohd Zalani bin Haji Ismail, Pengarah BKN Brunei Darussalam bersama tujuh pegawai kanan, manakala delegasi AADK diketuai oleh Ketua Pengarah AADK, Dato' Ruslin bin Jusoh.

Mesyuarat ini diadakan bertujuan memperkukuh jaringan kerjasama antara kedua-dua agensi, khususnya bagi perkongsian amalan terbaik, pengalaman, serta pendekatan inovatif dalam menangani ancaman penyalahgunaan dadah dan bahan yang semakin kompleks dan dinamik.

AADK sentiasa komited untuk memperluas kerjasama serantau dalam pelbagai aspek, merangkumi pertukaran maklumat, pengetahuan, dan kepakaran, terutamanya mengurangkan permintaan dadah dan bahan. Sehubungan itu, AADK menzahirkan keyakinan bahawa melalui semangat kerjasama erat ini, kedua-dua pihak mampu mencapai matlamat yang lebih berkesan dan signifikan dalam menangani cabaran penyalahgunaan dadah dan bahan di peringkat serantau.

Susulan daripada mesyuarat tersebut, AADK turut menyatakan kesediaan untuk terus berkongsi kepakaran dengan pegawai-pegawai BKN Brunei Darussalam, khususnya dalam aspek pembangunan kapasiti sumber

manusia. AADK juga berbesar hati menawarkan peluang latihan dalam pelaksanaan program Tempat Kerja Bebas Dadah (TEKAD), yang memberi penekanan kepada pencegahan awal, intervensi, serta sokongan berterusan di persekitaran tempat kerja.

Dalam rangka lawatan tersebut, delegasi BKN Brunei Darussalam turut dibawa meninjau pengoperasian program Rawatan dan Pemulihan Dalam Institusi (RPDI) yang dilaksanakan oleh AADK di Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) Kampung Selamat, Pulau Pinang.

Lawatan kerja ini secara tidak langsung memberi pendedahan meluas mengenai variasi program rawatan dan pemulihan di Malaysia, sekali gus menterjemahkan komitmen padu kedua-dua negara dalam membanteras isu penyalahgunaan dadah dan bahan demi kesejahteraan serantau.

**TAMAT**

**DATO' RUSLIN BIN JUSOH**  
**KETUA PENGARAH**  
**AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN**